



## Seminar Kenang Dharmawijaya



*Prof. Madya Dr. Che Ibrahim menyampaikan cenderamata kepada isteri Dharmawijaya sambil diperhatikan Prof. Madya Dr. Arbaie.*

**SERDANG, 14 Mac** – Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan seminar kesusastraan ‘Dharmawijaya dalam Kenangan’ untuk menghayati nilai seni karya Dharmawijaya baru-baru ini.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh ketika merasmikan seminar tersebut berkata seminar itu menghayati keunikan karya Dharmawijaya mengenai kesejahteraan masyarakat dan isu kemanusiaan.

“Seminar ini telah memberikan apresiasi terhadap karya Dharmawijaya serta sumbangan beliau sebagai editor, pembimbing dan pensyarah dalam bidang kesusastraan,” katanya.

Tema seminar iaitu ‘Kesasterawan Dharmawijaya dan Derita Petani’ dipilih kerana keunikan karyanya dari aspek tema, nilai estetika dan etika.

Antara panel yang membentangkan kertas kerja dalam seminar itu ialah anak Dharmawijaya, Susilawati Kamaruzzaman dan penyair seperti Dato’ Dr. Ahmad Kamal Abdullah, Prof. Rahman Shaari dan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

Dharmawijaya atau nama sebenarnya Kamaruzzaman Abdul Kadir merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan telah menghasilkan banyak buku dan bahan rujukan khususnya dalam genre puisi.

Antara buku rujukan yang menjadi bahan utama di sekolah dan di peringkat pengajian tinggi ialah karya puisi persendiriannya iaitu Kumpulan Puisi Warna Maya terbitan DBP pada 1974; Derita Buana (DBP:1992) dan Jejak Kembara (GAPENA:1999).

Beliau juga ialah penulis lirik lagu Gemilang Putra yang dicipta oleh Ahmad Nawab dan merupakan pensyarah dalam bidang kesusastraan di UPM selama 11 tahun.

Dr. Che Ibrahim berkata kekuatan Dharmawijaya ialah beliau berjaya membawa pembaca untuk merenungkan keindahan Bahasa Melayu yang diwarisi secara baik, terib dengan rentak ritmik yang tingkah-meningkah seperti paluan gendang dan suling yang mendayu-dayu.

Dharmawijaya pernah terpilih menerima anugerah SEA Write Award pada 1993 sebagai pengiktirafan terhadap perjuangan beliau dalam bidang kesusastraan.

Beliau telah meninggalkan dunia pada 21 April 2005 kerana masalah kesihatan sekali gus menyebabkan negara kita kehilangan sebuah mutuara dalam dunia kepuisian tanah air.



*Pelajar menumpukan perhatian kepada panel diskusi Seminar Dharmawijaya dalam Kenangan baru-baru ini.*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.